

PULAU PINANG, 6 APR (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR BIN MOHAMED, BERKATA HARI INI USAHA KERAJAAN DI BIDANG PELAJARAN TALAH UNTUK MEMPERSEIMBANGKAN KAUM DAN MEMBASMI KEMISKINAN.

KATANYA, USAHA INI TELAH NAMPAK KEJAYAANNYA DI MANA HAMPIR TIGA SUKU PELAJAR DI INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN TINGGI DATANG DARI MASYARAKAT YANG BERPENDAPATAN RENDAH.

KEJAYAAN INI TELAH TERCAPAI HASIL DARI BANTUAN-BANTUAN KERAJAAN SEPERTI BIASISWA, BUKU TEKS PERCUMA, MEMBINA SEKOLAH-SEKOLAH DI TEMPAT-TEMPAT TERPENCIL DI MANA MASYARAKAT MISKIN TINGGAL DAN MEMANSOHKAN YURAN SEKOLAH HINGGA KE TINGKATAN SATU.

DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERESMIKAN SEMINAR PELAJARAN KEBANGSAAN KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN (KPPK) DI DEWAN YMCA DI SINI HARI INI.

BELIAU BERKATA, +BANTUAN-BANTUAN SERUPA ITU MENUNJUKKAN DENGAN JELASNYA BAHAWA KERAJAAN SEDANG BERUSAHA UNTUK MENOLONG MASYARAKAT MISKIN MENINGGIKAN TARAF HIDUP MEREKA MELALUI PELAJARAN.+ -- BERSAMBUNG 1217/AI

526s
MAHATHIR 2 PULAU PINANG

BAGAIMANAPUN DR. MAHATHIR BERKATA, MASIH TERDAPAT BEBERAPA MASAALAH DI BIDANG PELAJARAN TERUTAMA DI KAWASAN-KAWASAN LUARBANDAR.

KEMENTERIAN PELAJARAN, SEDAR BAHAWA SEKOLAH-SEKOLAH DI KAWASAN-KAWASAN LUARBANDAR MASIH BELUM LENGKAP DENGAN PERALATAN, TIDAK MENCUKUPI GURU, SEMENTARA MURID-MURID PULA MENGHADAPI KESULITAN PERHUBUNGAN DARI RUMAH KE SEKOLAH.

INI SEMUA, MENYEBABKAN MURID-MURID TIDAK DAPAT MENGHADAPI PELAJARAN MEREKA DENGAN SEMPURNA DI SEKOLAH MAHUPUN DI RUMAH.

BELIAU MENYERU PARA PESERTA SEMINAR SELAMA TIGA HARI ITU SUPAYA MENGAJAI, MENGULAS, MERUMUS DAN MENGAMBIL KETETAPAN UNTUK MENYELESAIKAN MASAALAH YANG BANYAK ITU. -- BERSAMBUNG 1229/AI

527s
MAHATHIR 3 PULAU PINANG

MENGENAI SUNGUTAN DARI GURU-GURU YANG TIDAK SENANG DUDUK LAMA DI LUARBANDAR, DR. MAHATHIR BERHARAP MEREKA DAPAT BERTOLAK ANSUR DENGAN GURU-GURU DI BANDAR SUPAYA MASAALAH INI DAPAT DIATASI SECARA HARMONI.

PRESIDEN KPPK, HAJI AHMAD BIN ABDUL RAHMAN, TELAH MENIMBULKAN KERAGUAN KPPK TERHADAP PENGAMBILAN GURU-GURU LUAR NEGERI UNTUK MENGAJAR DI NEGERI INI. 96 97

BELIAU MENCADANGKAN SUPAYA TINDAKAN MENGAMBIL GURU LUAR NEGERI SECARA KONTREK INI DINENTIKAN DAN SEBALIKNYA MENGADAKAN KONSEP PERTUKARAN GURU-GURU DENGAN NEGARA-NEGARA ITU.

HAJI AHMAD PERCAYA DENGAN PENGALAMAN YANG DIPEROLEHI OLEH GURU-GURU MALAYSIA DI NEGARA-NEGARA SAHABAT AKAN DAPAT DIGUNAKAN SECARA DIUBAHSUAI DENGAN KEADAAN DI NEGARA INI. -- BERNAMA 1232/AI